

## SOALAN-SOALAN LAZIM -

### PERTUKARAN AKAUN SIMPANAN-i WADIAH KEPADA AKAUN SIMPANAN-i QARD

---

**1. Apakah konsep Syariah yang diperkenalkan?**

“QARD”.

JKS telah mengesahkan pematuhan Syariah terhadap pertukaran konsep produk Akaun Simpanan-i Wadiah (“ASW”) berlandaskan konsep Wadiah Yad Dhamanah secara automatik kepada Akaun Simpanan-i Qard (“ASQ”). ASQ merupakan ditawarkan kepada pendeposit penyimpan di kalangan anggota dan bukan anggota Co-opbank Pertama (“CBP”) yang dikawalselia oleh SKM di bawah Akta Koperasi 1993 dan BNM di bawah Akta Kewangan Islam 2013.

**2. Apakah konsep Qard?**

Konsep Qard ialah suatu konsep pinjaman tanpa riba. Kontrak ini merupakan suatu kontrak pinjaman yang mana deposit penyimpan memberikan pinjaman Qard kepada CBP untuk dipulangkan pada masa-masa yang diminta oleh pendeposit.

**3. Apakah status keharusan Qard?**

Amalan Qard adalah diharuskan oleh jumurh ulama’ oleh semua mazhab termasuk mazhab As-Syafie dengan syarat tiada unsur riba, manfaat tambahan atau apa-apa bentuk pulangan termasuk hibah yang bersyarat atau hibah yang lazim.

**4. Adakah Qard tidak akan membayar hibah?**

Notis akan dimaklumkan 45 hari sebelum pelancaran. Berkuatkuasa 2 Januari 2020, tiada hibah akan dibayar kepada ASQ.

**5. Bukankah hibah tidak dilarang?**

Hibah atas budibicara tidak dilarang dengan syarat ia tidak dikaitkan dengan Qard atau pinjaman. Apabila sesuatu hibah menjadi kelaziman dan adat ia menjadi seolah-oleh bersyarat dan dilarang oleh syarak jika menjadi imbalan kepada Qard.

**6. Bagaimanakah pengaturan Qard dilakukan?**

Dalam struktur Qard, CBP akan bertindak sebagai peminjam Qard (*muḍtaridh*) dan pendeposit penyimpan sebagai pemiutang (*muqridh*). Apa-apa deposit yang diterima oleh CBP dianggap sebagai Qard untuk dibayar semula oleh CBP kepada pendeposit pada bila-bila masa diminta oleh pendeposit tanpa tambahan.

**7. Apakah pengaturan Qard menggunakan platform Tawarruq?**

Tidak

## SOALAN-SOALAN LAZIM -

### PERTUKARAN AKAUN SIMPANAN-i WADIAH KEPADA AKAUN SIMPANAN-i QARD

---

**8. Apakah kelebihan Qard berbanding konsep Wadiah Yad Dhamanah?**

Secara komersil, Qard tidak mempunyai nilai komersil. Kelebihan Qard adalah jumlah prinsipal yang terjamin.

**9. Apakah kelebihan Qard berbanding Tawarruq?**

Qard distruktur tanpa konsep urusniaga komoditi dan meminimakan operasi (tidak terbeban dengan urusniaga komoditi) dan kos brokerej.

**10. Apakah jenis deposit simpanan yang distruktur berlandaskan Qard?**

Akaun simpanan-i Qard distrukturkan berlandaskan kontrak Qard. Ia adalah jenis deposit yang tidak tertakluk kepada tempoh dan tidak disekat atau dihalang pengeluarannya. Akaun ini diletakkan tujuan sebagai akaun pengeluaran pembiayaan, akaun sekuriti, FSRA dan pengurusan akaun dormant.

**11. Siapakah boleh menjadi pendeposit penyimpan akaun ini?**

Terbuka kepada semua, Muslim dan bukan Muslim.

**12. Apakah portfolio aset dana Qard?**

CBP akan menggunakan dana Qard ini bagi tujuan umum perniagaan CBP dalam aktiviti kewangan Islam dan perbankan Islam yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

**13. Apakah tempoh deposit simpanan ini?**

Deposit ASQ tidak bertempoh.

**14. Tidakkah penambahan deposit dan pengeluaran berulang kali akan menjadikan Qard mempunyai unsur Gharar?**

Unsur gharar yang dilarang adalah major gharar (*fahisyah*). Penambahan deposit Qard atau pengeluaran boleh dilakukan berulang-ulang kali tanpa penalti tertakluk kepada baki had minima dan had maksima pengeluaran harian, tidak akan menyebabkan wujudnya unsur major gharar pada Qard kerana dibenarkan oleh syarak untuk dibuat pinjaman dan penyeleaian berulang kali bagi selama-mana tempoh yang dipersetujui.

**15. Apakah kadar untung Qard boleh dirunding?**

Dilarang sama sekali.

## SOALAN-SOALAN LAZIM -

### PERTUKARAN AKAUN SIMPANAN-i WADIAH KEPADA AKAUN SIMPANAN-i QARD

---

#### 16. Apakah jumlah prinsipal dilindungi dari penjejasan?

Deposit akan dipulangkan pada baki semasa prinsipal oleh CBP dengan keuntungan tanpa kerugian atau penjejasan prinsipal selaras dengan Akta Kewangan Islam 2013. Ini kerana harga Qard adalah keberhutangan oleh CBP.

#### 17. Apakah keistimewaan lain konsep Qard?

Deposit simpanan berasaskan Qard tidak boleh diberikan apa-apa manfaat dan keistimewaan lain-lain.

#### 18. Apakah fi dan caj yang akan dikenakan dalam urusan niaga Qard?

Fi atau yuran tidak dikenakan atas Qard tetapi boleh dikenakan pada Wakalah dan kos administratif pengurusan seperti pengeluaran notis bagi akaun dorman.

#### 19. Bagaimanakah Qard adalah patuh Syariah?

Ia telah disahkan oleh Jawatankuasa Syariah CBP sebagai patuh Syariah dengan tiada apa-apa imbalan atau manfaat.


#### 20. Persamaan & perbezaan Qard daripada konsep Wadiah

Perkara	Qard	Wadiah Yad Dhamanh
<i>Kontrak</i>	Pinjaman	Simpanan dengan jaminan
<i>Kesan</i>	Keberhutangan oleh CBP	Jaminan oleh CBP
<i>Prinsipal</i>	Dijamin	Dijamin
<i>Untung</i>	<b>Dilarang</b>	<b>Hibah atas budibicara</b>
<i>Penjanaan</i>	Tiada	Hibah jika ada
<i>Manfaat +</i>	<b>Dilarang</b>	<b>Dilarang</b>
<i>Kempen</i>	<b>Dilarang</b>	<b>Dilarang</b>

#### 21. Bagaimanakah ilustrasi konsep Qard?

## SOALAN-SOALAN LAZIM -

### PERTUKARAN AKAUN SIMPANAN-i WADIAH KEPADA AKAUN SIMPANAN-i QARD



Jadual : Carta Struktur Konsep Qard

**22. Adakah pertukaran dari Wadiah kepada Qard dibenarkan secara automatik?**

Ya. ASQ boleh ditukar secara automatik dengan nombor kod produk yang sama dan nombor akaun yang sama (setelah tamat tempoh notis pemberitahuan).

**23. Adakah pertukaran dari Wadiah kepada Qard tiada akad baharu?**

Tidak perlu kerana kedua-dua kontrak adalah akad yang sama

**24. Mengapakah pertukaran dari Wadiah kepada Qard tiada memerlukan persetujuan pelanggan?**

Tidak perlu kerana ia tidak melibatkan pemeeterian kontrak baharu, hanya notis pemberitahuan adalah memadai.

**25. Adakah pertukaran dari Wadiah kepada Qard dikenakan caj?**

Tiada caj dikenakan.

**26. Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan jika bersetuju dengan pertukaran dari Wadiah kepada Qard?**

## SOALAN-SOALAN LAZIM -

### PERTUKARAN AKAUN SIMPANAN-i WADIAH KEPADA AKAUN SIMPANAN-i QARD

---

Pelanggan tidak perlu berbuat apa-apa

**27. Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan jika pelanggan mahu mengekalkan akaun simpanan Wadiah tanpa apa-apa pertukaran?**

Semua akaun simpanan wadiah akan ditukarkan kepada Qard. Tiada lagi produk akaun wadiah dikekalkan.

**28. Apakah nombor akaun simpanan Wadiah akan bertukar?**

Semua akaun simpanan wadiah yang ditukarkan kepada ASQ akan kekal dengan nombor akaun sediaada.

**29. Mengapa terma dan syarat akaun simpanan-i Qard kelihatan berubah?**

Penambahbaikan dibuat selaras dengan terma dan syarat yang standard dalam industri perbankan Islam. Jika tiada bantahan bertulis diterima oleh CBP sebelum 2 Januari 2020, apa-apa perubahan pada terma dan syarat yang tertera dalam akaun simpanan-i Qard adalah dianggap dimaklumi, difahami dan dipersetujui oleh pelanggan.

**30. Bagaimanakah jika pelanggan tidak bersetuju pertukaran Wadiah kepada Qard?**

Mereka yang tidak bersetuju dengan pertukaran Wadiah kepada ASQ hendaklah ditawarkan dengan akaun simpanan baharu Akaun Simpanan-i Salam dengan tawaran pulangan yang tetap, dijanjikan dan menarik tetapi hendaklah bersetuju dengan terma dan syarat yang baharu dan diberikan nombor akaun yang baharu.

**31. Dimanakah maklumat selanjutnya boleh diperolehi?**



## SOALAN-SOALAN LAZIM -

### PERTUKARAN AKAUN SIMPANAN-i WADIAH KEPADA AKAUN SIMPANAN-i QARD

---

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat yang lebih lanjut tentang ASQ atau terdapat sebarang pertanyaan mengenai mengenai konsep Qard atau produk ASQ, anda boleh menghubungi:

**Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (CBP)**

Wisma JcbNext, No.27,  
Lorong Medan Tuanku 1,  
Off Jalan Sultan Ismail,  
50300 Kuala Lumpur

Telefon No : 03-2692 7650  
Faks No : 03-2694 7652  
Emel : info@cbp.com.my  
Website : www.cbp.com.my